

01 MAY 1998

AS-Malaysia

MESYUARAT MEJA BULAT PERNIAGAAN M'SIA-AMERIKA PADA MEI

WASHINGTON, 1 Mei (Bernama) -- Sekumpulan eksekutif perniagaan Amerika dari 20 syarikat besar dan sederhana sedang menuju ke Kuala Lumpur untuk menyertai Mesyuarat Meja Bulat Perniagaan Malaysia-Amerika Syarikat (AS) untuk berbincang dengan pegawai-pegawai kerajaan dan sektor swasta mengenai krisis kewangan Asia yang memporakperandakan matawang dan pasaran saham rantau itu.

Presiden Majlis Perniagaan AS-Asean, Ernest Bower, berkata di sini sebelum berlepas pada Khamis bahawa syarikat-syarikat Amerika mahu menyatakan komitmen untuk bekerjasama dengan Malaysia, bagaimana mereka boleh bantu dalam proses pemulihan, dan mengambil tahu apakah rancangan Malaysia mengatasi masalah itu.

Bower berkata mesyuarat meja bulat itu juga adalah peluang yang baik untuk berbincang mengenai agenda Malaysia untuk persidangan APEC (Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik) November ini dan matlamat dan kepentingannya untuk menjayakan mesyuarat itu.

Ahli-ahli perniagaan Amerika khususnya berminat untuk meneruskan dialog dengan anggota-anggota lain dalam APEC dalam bidang-bidang seperti pembangunan sumber manusia, teknologi maklumat, dan penswastaan dalam sektor pengangkutan dan telekomunikasi, katanya.

Kumpulan itu, yang diketuai oleh Bower, akan berada di Malaysia selama empat hari dari 3 hingga 6 Mei sebelum pergi ke Jakarta di mana mereka akan berkenalan dengan anggota-anggota Kabinet yang baru dan mengambil tahu mengenai kesan krisis itu ke atas Indonesia.

Mereka mewakili syarikat-syarikat seperti Lucent Technology, Oracle, Motorola, United Technologies, Erickson Air, Aetna, Chevron, Cigna, Chubb, AIG, Cargill dan Varian.

Mereka juga dijadualkan makan tengah hari bersama dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 4 Mei yang akan diturut serta oleh pegawai-pegawai kanan Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), MITI, MIDA, dan MATRADE.

Bower berkata satu pengumuman dijangka dibuat mengenai pelaburan masa depan oleh dua syarikat Amerika di Malaysia dalam Koridor Raya Multimedia, tetapi tidak menamakan syarikat berkenaan ataupun jumlah dolar yang terlibat.

Eksport AS ke Malaysia meningkat sebanyak 216 peratus dalam tempoh 1990-97 kepada AS\$10.8 bilion, manakala eksport Malaysia ke AS meningkat 242 peratus kepada AS\$18 bilion.

Bagi tempoh Januari-Februari 1998 eskport AS ke Malaysia meningkat lapan peratus sebanyak AS\$1.56 bilion, manakala eksport Malaysia ke AS naik tujuh peratus sebanyak AS\$2.75 bilion.

Sementara itu, pelaburan AS di Malaysia sehingga akhir 1996 berjumlah AS\$5.3 bilion, meningkat 259 peratus sejak 1990, kata Bower yang memetik angka kerajaan AS.

"Perdagangan dan pelaburan AS dekad ini mencatatkan pertumbuhan tertinggi di Malaysia berbanding dengan negara-negara Asean yang lain," katanya.

-- BERNAMA

SAL WAT